

DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Tunas

Pembentuk Generasi Berkoperasi

GAGASAN



EDISI 01/2024

**Koperasi
Sekolah dan
IPT Bangunkan
Landskap
Sosioekonomi
Negara**



Buko Pandan
Dari Desa ke Kota

**A.H.O.G Sistem
Penanaman Moden
(*Smart Farming*) Pilihan
Rumah Anda!**



Tuan Haji Fadilah Salim

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Koperasi Sekolah Menyuburkan Budaya Keusahawanan dalam Kalangan Belia

Alhamdulillah, edisi pertama majalah Tunas Coop bagi tahun 2024 telah berjaya diterbitkan. Terima kasih kepada semua warga kerja Suruhanjaya yang terlibat secara dekat mahu pun jauh dengan usaha ini. Koperasi sekolah telah menyumbang kepada perolehan gerakan koperasi di Malaysia sebanyak 0.6% atau berjumlah RM430.42 juta. Jumlah ini adalah wajar dan sesuai dengan status serta jumlah bilangan koperasi sekolah yang berdaftar adalah sebanyak 2,490. Meskipun sumbangan ini tidak begitu signifikan kepada perolehan gerakan koperasi tanah air tetapi kewujudan koperasi-koperasi ini adalah amat penting khususnya dalam menggalakan budaya keusahawanan dalam kalangan belia. Disamping itu juga kewujudan koperasi di sekolah juga adalah sangat berguna dalam menyalurkan kebajikan kepada para pelajar yang kurang bernasib baik.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa komited dalam membantu untuk menyuburkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui program dalam bentuk pertandingan keusahawanan. Sebagai contoh, program *Young Entrepreneur Strive for Success* (YESS) telah dianjurkan secara dwi tahunan dengan mengetengahkan konsep pertandingan keusahawanan dalam kalangan koperasi sekolah. Dalam program tersebut peserta dikehendaki untuk menunjukkan data-data jualan produk yang telah terjual dalam tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan. Program ini bukan semata-mata menilai dari hasil kreatif dan inovatif pelajar melalui produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, tetapi turut dinilai proses pengalaman menjadi usahawan oleh pelajar tersebut seperti penyediaan kertas kerja dan cara bagaimana mereka meyakinkan pasaran. Untuk rekod, sepanjang tahun 2023 sebanyak 130 koperasi sekolah dari seluruh negara telah menyertai program tersebut.

Selain itu, penerbitan majalah Gasgasan dan Tunas Coop juga adalah salah satu usaha SKM dalam menyebar luas maklumat dan daya kreativiti para koperator tanah air untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi kejayaan kepada koperator lain. Semoga penulisan dalam edisi kali ini memberi manfaat kepada para pembaca.

Selamat membaca!

Kandungan

MEJA PENGARANG & KANDUNGAN

2 | Koperasi Sekolah Menyuburkan Budaya Keusahawanan dalam Kalangan Belia

PERUTUSAN

3 | Semarakkan Nilai-nilai Koperasi dalam Kalangan Koperasi Sekolah

RENCANA UTAMA

4 | Koperasi Sekolah dan IPT Bangunkan Landskap Sosioekonomi Negara

INOVASI

5 | Buko Pandan : Dari Desa ke Kota

6-7 | A.H.O.G Sistem Penanaman Moden (*Smart Farming*) Pilihan Rumah Anda

8-9 | Inovasi S-TAG Bantu Sekolah Mengenalpasti Identiti Pelajar Melalui NFC

10-11 | Koperasi SMK Tengku Intan Zaharah Lakar Sejarah dengan Inovasi 'Cat Booster' untuk Kucing

INSPIRASI

12-13 | Dari Dobi Hingga ke Program Kebajikan, Koperasi MRSM Muadzam Shah Berhad Membangun Bersama Pelajarnya

14-15 | Transformasi Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad: Pelopori Kaedah Pembayaran Nirtunai dan Sistem Pintar dalam Aktiviti Peruncitan



MAJALAH TUNAS COOP
EDISI 01/2024

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Rusli bin Jaafar

KETUA EDITOR / PENERUSI JAWATANKUASA
PENERBITAN

Tuan Haji Fadilah bin Salim

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari
Noor Azura binti Maslan
Arif Asyraf bin Mohammed Khalim
Mohamad Zaki bin Mohd Shukri
Syamsul Safarin bin Mohd Ali
Sharifah Nurasyidah binti Syed Abdul Razak
Mohd Affandy bin Amir
Norhaslinda binti Isa

EDARAN DAN PENERBITAN

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Semarakkan Nilai-nilai Koperasi dalam Kalangan Koperasi Sekolah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Berkoperasi buat semua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas khususnya kepada pasukan penerbitan dan kakitangan di Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah pimpinan Tuan Haji Fadilah bin Salim di atas kejayaan penerbitan Majalah Tunas Coop edisi 1 tahun 2024.

Gerakan Koperasi di sekolah merupakan sebuah pelantar yang sesuai untuk menyebarkan budaya keusahawanan dalam kalangan belia. Usaha untuk menggalakan budaya keusahawanan di peringkat belia adalah amat penting bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030 seperti mana yang termaktub di dalam Dasar Keusahawanan Negara 2030. Sebagai sebuah negara keusahawanan yang makmur akan menjadi pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kemahiran keusahawanan hendaklah diadunkan dengan

nilai-nilai yang dianjurkan oleh koperasi seperti berdikari, kesedaran pada tanggungjawab diri, kesaksamaan, amanah, ketelusan, tanggungjawab sosial dan prihatin. Nilai-nilai ini amat penting untuk diterjemahkan dalam tindakan sejak dibangku sekolah lagi bagi mewujudkan modal insan yang seimbang di antara tuntutan mengejar keuntungan dan mengekalkan nilai insan dalam diri individu yang bergelar usahawan dan koperator.

Saya percaya, kewujudan sikap keusahawanan yang seimbang dalam diri koperator mampu melonjakkan perolehan koperasi untuk mencapai sasaran RM73 bilion menjelang tahun 2030. Ini kerana koperator yang menghayati serta mengamalkan nilai-nilai koperasi mampu menarik minat pasaran untuk terus setia dengan perniagaan koperasi.

Akhir kata, semoga koperasi-koperasi sekolah yang merupakan sebuah akademi kepada pembangunan koperator tunas negara terus menjadi contoh kepada usahawan belia dan maju jaya dalam apa jua aktiviti perniagaan yang diceburi.

Sekian, terima kasih.

Rusli Jaafar

**Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

Koperasi Sekolah dan IPT Bangunkan Landskap Sosioekonomi Negara

Arif Asyraf Bin Mohammed Khalim

Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Cawangan Negeri Perlis



kepada pelajar sejak usia muda dalam mewujudkan usahawan yang seimbang. Ia memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep koperasi, prinsip-prinsip sosioekonomi, dan kepentingan bekerjasama dalam perniagaan. Antara peranan utama yang boleh dimainkan oleh Koperasi Sekolah dan IPT adalah seperti berikut:

Pendidikan dan Kesedaran

Koperasi: Koperasi sekolah boleh memberikan pendidikan di luar kelas kepada pelajar mengenai pentingnya nilai keusahawanan, pengurusan kewangan, penglibatan komuniti dan penjagaan alam sekitar dalam perniagaan. Aktiviti seperti perniagaan runcit dan penggunaan sumber dalaman koperasi dalam merealisasikan nilai-nilai di atas bakal menjadi pengalaman praktikal kepada para pelajar yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan koperasi.

Pembangunan Kepimpinan dan

Keusahawanan: Melalui penyertaan pelajar dalam pengurusan dan perniagaan koperasi, secara tidak langsung mereka dilatih untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab, kreatif dan inovatif serta bersedia untuk menyumbang kepada gerakan koperasi pada masa depan. Selain itu, nilai-nilai koperasi menggalakkan semangat solidariti antara anggota yang mendorong kepada semangat kerjasama. Ini membolehkan para belia membina rangkaian sosial dan profesional yang bermanfaat untuk digunakan semasa dan masa depan.

Sokongan Ekonomi: Para guru, mentor dan pembimbing pelajar harus menunjukkan teladan melalui

pengagihan keuntungan koperasi yang seharusnya digunakan untuk meningkatkan kemudahan pembelajaran dan mengurangkan beban kewangan pelajar, seperti pemberian diskaun bagi pembelian buku dan alat tulis. Selain itu, keuntungan tersebut boleh digunakan oleh koperasi bagi membantu pihak sekolah atau institusi untuk menyediakan fasiliti-fasiliti yang sesuai dengan tuntutan semasa bagi menyokong pertumbuhan bakat-bakat dalam kalangan belia. Misalnya memberi sumbangan peralatan dan fasiliti bagi tujuan latihan untuk kegunaan olahragawan sekolah dan institusi. Ia juga mampu membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan beban fiskal dalam menyediakan fasiliti yang mungkin menguntungkan golongan tertentu sahaja. Seterusnya peruntukan-peruntukan tersebut boleh disalurkan kepada keperluan yang lebih kritikal seperti dalam bidang kesihatan.

Kesimpulan

Koperasi Sekolah, Koperasi Belia, dan Koperasi IPT boleh memainkan peranan penting dalam memperkasakan landskap gerakan koperasi dan sosioekonomi negara. Dengan memupuk semangat keusahawanan, kerjasama, dan daya saing dalam kalangan generasi muda, koperasi-koperasi ini bukan sahaja dapat memastikan kesinambungan gerakan koperasi tetapi juga menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara secara menyeluruh. Justeru, sokongan berterusan daripada pihak kerajaan, institusi pendidikan, dan masyarakat dalam aktiviti perniagaan koperasi adalah kunci kepada kejayaan inisiatif ini. 

Koperasi merupakan sebuah entiti keusahawanan yang unik berteraskan prinsip dan nilai-nilai koperasi. Koperasi mampu berperanan dalam memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dalam konteks ini, Koperasi Sekolah, Koperasi Belia, dan Koperasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan watak penting dalam menjadi tonggak untuk memperkasakan gerakan koperasi kerana ia menyentuh penglibatan yang bermula dari peringkat akar umbi hingga generasi belia. Artikel ini membincangkan peranan ketiga-tiga jenis koperasi tersebut dalam membangunkan landskap koperasi, ekonomi sosial, dan ekonomi negara.

Peranan Koperasi Sekolah dan IPT

EDISI 1

- Koperasi Sekolah dan IPT berfungsi sebagai platform pendidikan ekonomi

Buko Pandan: Dari Desa ke Kota

Yasmin binti Dawani
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan
SKM Cawangan Negeri Sabah

Anugerah Projek Terbaik (YESS) Tahun 2023

Kejayaan sering kali lahir dari ketekunan dan usaha gigih. Inilah yang dibuktikan oleh Koperasi SMK Desa Kencana Berhad. Terletak 113 km dari pekan Lahad Datu, Sabah, koperasi ini mencipta sejarah dalam penyertaan kali pertama mereka di Pertandingan *Young Entrepreneurs' Strive for Success* (YESS) 2023 peringkat kebangsaan dengan menjuarai pertandingan tersebut.

Koperasi SMK Desa Kencana Berhad tampil dengan produk buko pandan yang dibotolkan. Kawasan sekitar sekolah, terutamanya di sepanjang pantai, kaya dengan sumber pokok kelapa yang selama ini tidak digunakan secara optimum. Melihat potensi ini, pelajar-pelajar SMK Desa Kencana mengambil inisiatif untuk menghasilkan minuman menyegarkan berasaskan kelapa yang menjadi taruhan utama mereka dalam pertandingan ini.



Ahli dan pendokong pasukan bergambar bersama YBhg. Datuk Haji Zamri (lima dari kiri). Turut kelihatan YBhg Tuan Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif SKM (4 dari kiri).



Reaksi peserta dan pendokong Koperasi SMK Desa Kencana Berhad setelah dinobatkan sebagai johan pertandingan.



Antara variasi produk di bawah jenama Buko Pandan yang turut dipertandingkan.

Keunikan dan kreativiti mereka dalam mempromosikan produk, ditambah dengan laporan rancangan perniagaan dan pembentangan yang kemas, telah berjaya memenangi hati juri.

Cabaran

Namun, kejayaan ini tidak datang tanpa cabaran. Jarak mereka yang jauh dari pekan menyulitkan mereka mendapatkan bahan utama produk serta urusan dengan agensi berkaitan juga menjadi sukar. Selain itu, proses penyediaan dan pengolahan produk perlu lebih cermat untuk mengelakkan kerosakan. Produk buko pandan perlu disimpan pada tahap suhu yang rendah untuk mengekalkan kualitinya, dan ini menjadi cabaran utama sepanjang proses pendedaran produk.

Peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Sabah dalam kejayaan ini amat signifikan. Di samping memberikan bantuan kewangan, SKM Sabah turut menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan kepada koperasi ini. Mereka juga sanggup menempuh jarak lebih 500 km dari Kota Kinabalu untuk membuat tinjauan kemajuan projek buko pandan. Bak kata pepatah, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing," komitmen mereka jelas membantu Koperasi SMK



Reruai koperasi kerap dikunjungi ramai kerana produk yang diketengahkan sememangnya berkualiti.



YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di antara tetamu jemputan utama turut sama meluangkan masa mengunjungi reruai koperasi.

Desa Kencana
menjaya kan
projek YESS 2023.

Sumbangan

Projek buko pandan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada koperasi dan sekolah, tetapi juga kepada komuniti sekitar. Penggunaan sumber alam secara optimum menunjukkan kepada masyarakat bahawa hasil tempatan boleh dijadikan produk bernilai tinggi. Kejayaan ini boleh menjadi titik tolak dan inspirasi kepada warga sekolah dan komuniti sekitar untuk berusaha mencapai kejayaan pada peringkat tertinggi.

Melihat kejayaan ini, koperasi SMK Desa Kencana merancang untuk mengembangkan lagi projek buko pandan. Mereka berhasrat untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan mencari pasaran yang lebih luas. Dengan sokongan berterusan dari SKM Sabah dan semangat juang yang tinggi, tidak mustahil koperasi ini akan terus mencipta kejayaan pada masa hadapan.

Kisah kejayaan Koperasi SMK Desa Kencana ini adalah bukti bahawa dengan usaha gigih, kreativiti, dan sokongan yang kuat, segala cabaran boleh diatasi dan kejayaan pasti dapat diraih.

A.H.O.G Sistem Penanaman Moden (Smart Farming) Pilihan Rumah Anda

Koperasi dan Produk

Zero hunger adalah Sustainable Development Goal kedua penting yang disediakan oleh pihak UNICEF. Mengatasi kekurangan makanan adalah tanggungjawab bersama masyarakat di seluruh dunia. Ini penting bagi memastikan kelangsungan hidup dapat diteruskan. Petikan daripada akhbar Berita Harian online bertarikh 10 April 2022 sangat merisaukan apabila Bank Dunia mengeluarkan kenyataan amaran berkaitan krisis makanan global yang bakal berlaku pada tahun 2024 atas sebab negara-negara pengeluar makanan tidak lagi mahu mengeksport makanan mereka. Kesan ini juga pasti akan dirasakan oleh negara kita apabila kita turut mengimport makanan dari luar seperti sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana dan sejuk.

Justeru, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengambil langkah inisiatif memberikan potongan cukai bersamaan jumlah pelaburan yang dikeluarkan selama tiga tahun kepada mana-mana syarikat yang

Hanis Nabila binti Kasmani

Anggota Lembaga Koperasi Guru
Koperasi MRSB Batu Pahat Berhad

melabur dalam menjalankan projek baharu pengeluaran makanan.

Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Batu Pahat Berhad turut mengambil berat dalam perbincangan krisis yang bakal dan sedang dihadapi negara. Ini kerana kesan kebuluran makanan boleh mengganggu prestasi akademik pelajar di sekolah. Malahan yang paling membimbangkan ada di kalangan pelajar mengambil keputusan berhenti sekolah kerana wang yang digunakan bagi pembayaran yuran perlu dibelanjakan untuk membeli makanan. Oleh kerana itu, tercetuslah idea *Advanced Automated Home Garden* atau lebih dikenali sebagai A.H.O.G yang merupakan produk tanaman menggunakan sistem penanaman moden atau lebih dikenali sebagai (*Smart Farming*).

A.H.O.G mempunyai kelebihan yang tersendiri berbanding kaedah-

kaedah lain yang biasanya digunakan dalam pertanian. Bersesuaian dengan keadaan masa kini dimana kebanyakan individu hari ini bekerja bagi menyara kehidupan. Oleh itu A.H.O.G mampu untuk membantu pengguna memelihara tanaman mereka daripada rosak atau mati akibat ketiadaan masa untuk menjaganya. Sistem pemantauan melalui telefon pintar ini menjadikan pengguna lebih mudah menguruskan kerja harian dan tanaman mereka.

Cabaran dan Tribulasi

Cabaran di awal penghasilan produk kejayaan ini adalah memastikan kaedah tradisional dapat diminimumkan seperti mengenalpasti penggunaan tenaga manusia yang tinggi. Oleh yang demikian A.H.O.G ini dapat memastikan penggunaan tenaga manusia yang minimum. Cabaran yang dikenal pasti juga seperti pokok mudah dijangkiti dan A.H.O.G diwujudkan bagi memastikan tanaman terlindung daripada ancaman luar. Selain itu ancaman yang dapat dikenalpasti daripada awal ialah sistem



Demonstrasi A.H.O.G semasa pertandingan YES.



Reruai Koperasi MRSB Batu Pahat Berhad meriah dengan tanaman.

Di sekolah pelajar diajar bagaimana untuk melaksanakan sistem penanaman hidroponik dan aquaponik melalui subjek Reka Bentuk Teknologi.

pemantauan manual sebelum A.H.O.G direalisasikan untuk dipantau melalui telefon pintar. Begitu juga dengan sistem penyiraman manual yang mana A.H.O.G mampu menjalankan proses penyiraman secara automatik.

Peranan dan Bantuan SKM

Sebagai pemegang rekod pemenang YESS 2019 di Genting Highland, Koperasi MRSM Batu Pahat Bhd membuktikan bahawa produk yang dibawa ke pertandingan tidak terhenti di medium bertanding sahaja. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memainkan peranan yang besar dalam mengetengahkan lagi produk berpotensi ke pasaran luar. Pihak Koperasi MRSM Batu Pahat Bhd bukan sahaja memperoleh sejumlah

wang atas kemenangan yang diraih pada YESS yang telah disertai, namun tidak terhenti setakat itu, SKM terus memberikan bantuan daripada sudut pemberian geran bantuan pembangunan produk kepada pihak kami. Ia membuktikan SKM sentiasa berada di belakang sebuah kejayaan yang dicapai oleh koperasi sekolah seperti kami.

Kesan dan Manfaat Projek (Peringkat Sekolah dan Komuniti)

Di sekolah pelajar diajar bagaimana untuk melaksanakan sistem penanaman hidroponik dan aquaponik melalui subjek Reka Bentuk Teknologi. Pelajar juga akan membina prototaip sistem penanaman secara hidroponik. Pada masa yang sama pelajar juga diajar bagaimana untuk membuat aplikasi telefon melalui silibus pembelajaran subjek Sains Komputer. Untuk itu, selari dengan zaman kemajuan dan kecanggihan teknologi pelajar juga perlu diajar bagaimana *Internet On Things* (IOT) berfungsi dalam industri pertanian. Secara tidak langsung dapat membuka minat pelajar kepada peluang yang ada dalam sektor pertanian di negara kita.

Peminat Industri Pertanian

Bagi peminat berkebun secara kecil-kecilan di rumah, golongan ini sering mengalami masalah kekurangan masa kerana bekerja atau tiada

di rumah buat jangka masa lama yang menyebabkan tanaman yang ditanam diabaikan seterusnya layu dan mati. Kesannya mereka tidak akan lagi meneruskan minat mereka kerana kekangan-kekangan tertentu. Menerusi sistem A.H.O.G masalah ini diselesaikan dengan mudah dan menguntungkan kedua-dua pihak. Malahan mereka juga dapat menjana pendapatan mereka melalui hasil jualan tanaman yang dilaksanakan.

Perancangan Masa Hadapan

Produk A.H.O.G mampu memberi persaingan kepada semua sistem penanaman pintar yang ada di negara ini. Sistem yang ringkas, produk ringan, mampu dikendalikan dengan mudah dan harga yang berpatutan akan menjadi pilihan utama kepada pengguna yang sukakan teknologi dan pertanian. Jika dibandingkan dengan sistem yang ada seperti hidroponik atau aquaponik, A.H.O.G dapat menyelamatkan tanaman daripada serangan serangga atau air yang kotor. Semua nilai ini menjadi pilihan utama kepada pengguna untuk memiliki A.H.O.G. Kuasa beli yang besar amat penting dalam memastikan produk A.H.O.G terus kekal relevan berada di pasaran. Oleh yang demikian, pihak Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad akan memastikan produk A.H.O.G berada di pasaran seperti Produk Cassia Senna (kemenangan YESS 2019) yang kekal bertahan di pasaran sehingga kini. 



Inovasi S-Tag

Bantu Sekolah Mengenalpasti Identiti Pelajar Melalui NFC

Antara matlamat penubuhan Koperasi SMK Riam Miri Berhad adalah untuk melatih dan membimbing murid-murid untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ibarat kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan apabila menerima hebahan berkaitan Program Young Entrepreneurs' Strive for Success (YESS) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun 2023. Selaras dengan tujuan program YESS ini iaitu memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institusi pembudayaan keusahawanan dalam kalangan murid telah disambut baik oleh murid-murid di SMK Riam, Miri untuk mereka mengembangkan idea dan bakat masing-masing dalam bidang keusahawanan.

Idea inovasi kad pintar ini tercetus apabila peristiwa seorang murid sekolah rendah yang tersesat masuk ke kawasan sekolah pada awal sesi persekolahan 2023. Pihak sekolah hanya dapat mengenal pasti sekolah murid tersebut berdasarkan baju yang dipakainya sahaja. Dia hanya menggelengkan kepala apabila ditanya nama sekolah dan nombor telefon penagajanya. S-Tag sama fungsi dengan tag beg sekolah yang digunakan kebanyakan murid-murid di sekolah rendah di Miri. Namun, tag beg sekolah tradisional hanya memuatkan maklumat yang terhad dan mudah lusuh atau luntur terutamanya apabila sudah terkena hujan dan panas.

Idea inovasi kad pintar ini tercetus apabila peristiwa seorang murid sekolah rendah yang tersesat masuk ke kawasan sekolah pada awal sesi persekolahan 2023.

Rua Anak Udil

Setiausaha

Koperasi SMK Riam Miri Berhad



Bersedia untuk membuat pembentangan.



Gambar bersama pegawai SKM Sarawak.

Fungsi menarik yang ditawarkan oleh produk S-Tag ini antaranya, menyimpan pelbagai maklumat diri seperti nama ibu bapa atau penjaga dan nombor telefon bimbit serta nombor kad pengenalan. Hal ini memudahkan guru untuk mendapatkan maklumat nombor panggilan kecemasan ibu bapa atau penjaga murid. Masyarakat juga boleh menggunakan S-Tag sebagai kad nama dalam perniagaan atau kegunaan tertentu dan paling menarik dalam satu kad sahaja.

Pada masa ini, produk S-Tag hanya digunakan dalam kawasan sekolah kami

sahaja. Besar harapan kami agar produk ini dapat dikembangkan dan mendapat perhatian usahawan di luar sana untuk meningkatkan kualiti produk kami. Fungsi S-Tag jelas membuktikan produk ini dapat memenuhi cita rasa masyarakat kita pada hari ini.

Koperasi telah memberi dana sebanyak RM1,500 untuk kami merealisasikan projek S-Tag. Kad ini memerlukan *Near Field Communication* (NFC) dan sewaan mesin pencetak. Koperasi hanya mampu menyewa mesin cetakan sahaja kerana harga mesin tersebut di luar

Bak kata orang tua, "cinta pandang pertama" itu sangat penting untuk memasarkan produk S-Tag ini. Hal ini kerana kebolehpasaran kad bergantung kepada kualiti cetakan sebagai kunci untuk menarik perhatian pengguna daripada pelbagai latar belakang pekerjaan.



Melihat proses pencetakan kad S-Tag.



Penyampaian Anugerah Projek Terbaik tempat kelima.



Kunjungan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Encik Amran Bin Haji Abdul Kadir.



kemampuan modal koperasi. Mengapa perlu hantar ke luar untuk cetakan? Sudah tentu dari segi kualiti lebih baik daripada menggunakan mesin pencetak yang biasa. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Miri telah memberi khidmat nasihat berkaitan dana yang layak dipohon untuk mendapatkan modal kelak.

Ringkasnya, cabaran yang besar kami hadapi sekarang adalah untuk mendapatkan mesin pencetak yang berkualiti. Bak kata orang tua, "cinta pandang pertama" itu sangat penting untuk memasarkan produk S-Tag ini. Hal ini kerana kebolehpasaran kad bergantung kepada kualiti cetakan sebagai kunci untuk menarik perhatian pengguna daripada pelbagai latar belakang pekerjaan. 



Koperasi SMK Tengku Intan Zaharah Lakar Sejarah dengan Inovasi 'Cat Booster' untuk Kucing

Koperasi SMK Tengku Intan Zaharah Berhad atau lebih dikenali sebagai Ko-Intan merupakan sebuah koperasi berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Koperasi ini didaftarkan pada 30 Mac 1983 dengan nombor pendaftaran SEKOLAH 375.

Dahulunya kedai koperasi Ko-Intan terletak di bangunan Blok D sebelum dipindahkan ke lokasi baru dengan bangunan yang lebih luas dan selesa pada tahun 28 Mac 2012. Kini, SMK Tengku Intan Zaharah diterajui oleh Tuan Haji Wan Abdul Shukor Bin Wan Awang sebagai pengetua. Beroperasi di SMK Tengku Intan Zaharah dengan jumlah anggota seramai 903 orang, Ko-Intan dikendalikan oleh Cikgu Tun Maznida Tuan Lokman sebagai bendahari, Cikgu Norhayati Daud sebagai setiausaha serta beberapa orang guru sebagai Anggota Lembaga Koperasi. Kini, Ko-Intan telah mempunyai 2 orang pekerja.

Pada pertandingan YESS tahun 2023, Ko-Intan telah dinobatkan sebagai johan peringkat Negeri Terengganu dan tempat ke-3 di peringkat kebangsaan menerusi produk yang dikenali sebagai *Cat Booster*. Produk ini diinovasi daripada sejenis pokok

Siti Dalila Binti Badrishah
Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
SKM Negeri Terengganu

liar iaitu pokok Kucing Galak atau nama saintifiknya ialah *Acalipha Indycia*. Pokok yang dipercayai berasal dari India ini sebenarnya mempunyai sejenis bahan kimia iaitu sebatian iridoids (sebatian kimia semula jadi) yang terkandung dalam akarnya. Satu kajian telah dilakukan bersama UiTM Bukit Besi, Dungun dan Ko-Intan telah berjaya mengekstrak bahan kimia daripada akar pokok itu dan dijadikan produk *Cat Booster*. Inovasi ini merupakan produk semburan kepada kucing yang boleh mengubah emosi dan tingkah laku kucing. Produk ini akan membantu kucing yang mengalami depresi atau kemurungan kembali aktif dan ceria. Ini merupakan produk ciptaan anak tempatan yang pertama di Malaysia yang setanding dengan produk antarabangsa.

Cabaran dan Tribulasi

Pelbagai cabaran ditempuhi semasa membangunkan produk ini, antaranya koperasi perlu mencari maklumat dan menghubungi UiTM untuk

menggunakan peralatan seperti *Soxhlet Extractor* dan *Rotary Evaporator* bagi tujuan mengekstrak akar pokok kucing galak. Koperasi juga perlu ke luar kawasan sekolah untuk mencari Pokok Kucing Galak yang menjadi sumber utama kepada produk ini. Tempoh penghasilan agak lama dan memerlukan ketelitian dan kebersihan bagi mengelakkan produk tercemar. Kaedah pengekstrakan juga agak rumit kerana memerlukan kaedah yang sesuai serta memberikan hasil yang optimum. Koperasi perlu menghantar sampel produk ke makmal universiti dan Jabatan Veterinar bagi ujian penilaian keberkesanan dan keselamatan produk.

Kaedah pengekstrakan juga agak rumit kerana memerlukan kaedah yang sesuai serta memberikan hasil yang optimum.



Imej Ko-Intan semakin baik dalam kalangan komuniti setempat. Koperasi juga dapat memasarkan produk kepada pengguna dan ia dapat menjana kewangan koperasi.



Peranan / Bantuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Sepanjang tempoh pertandingan, koperasi sentiasa mendapat bimbingan nasihat serta sokongan daripada pihak SKM. Pihak SKM sentiasa menghubungi koperasi untuk mengetahui tahap kemajuan pelaksanaan projek inovasi ini. Khidmat bimbingan dan nasihat diadakan bagi mengenalpasti isu dan permasalahan yang timbul dan penyelesaiannya. Bukan itu sahaja, koperasi juga dijemput ke pejabat SKM untuk membuat pembentangan dan penambahbaikan ke atas projek ini supaya hasil yang terbaik dapat diperolehi.

Kesan dan Manfaat Projek dan Koperasi di Peringkat Sekolah dan Komuniti

Pertandingan sebegini banyak memberi impak kepada para peserta dan koperasi. Antara impaknya adalah para pelajar menjadi lebih kreatif dan meminati ilmu inovasi serta keusahawanan. Banyak pengetahuan seperti pengurusan, kewangan, sains dan teknologi serta keusahawanan dapat dipelajari dan dihayati sepanjang program. Malahan koperasi mula dikenali hingga ke peringkat komuniti kerana berjaya melakar nama sebagai antara pemenang dalam Konvensyen YESS tahun 2023. Imej Ko-Intan semakin baik dalam kalangan komuniti setempat. Koperasi juga dapat memasarkan produk kepada pengguna dan ia dapat menjana kewangan koperasi.



Perancangan Projek / Koperasi pada Masa Hadapan

Ko-Intan akan terus mengorak langkah ke hadapan seiring dengan perkembangan dunia semasa. Antara perancangan Ko-Intan adalah berusaha untuk menggiatkan lagi kursus

keusahawanan di dalam kalangan pelajar untuk membuka minda pelajar bahawa penglibatan dalam dunia keusahawanan adalah antara pilihan terbaik. Malahan Ko-Intan juga mahu memupuk budaya inovasi di kalangan pelajar dan komuniti setempat agar produk yang dihasilkan dapat menjana pendapatan terutamanya kepada koperasi.

Dari Dobi Hingga ke Program Kebajikan, Koperasi MRSM Muadzam Shah Berhad

Membangun Bersama Pelajarnya

Ahmad Najmi Bin Ahmad Puat

Pegawai Ehwal Ekonomi
SKM Cawangan Negeri Pahang

Koperasi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muadzam Shah Berhad didaftarkan pada 29 Julai 1997 dengan matlamat memenuhi keperluan harian pelajar-pelajar yang tinggal di asrama sekolah tersebut. Koperasi MRSM Muadzam Shah Berhad telah menjalankan aktiviti perniagaan seperti perkhidmatan dobi, kafeteria, kedai runcit, sewaan rumah tamu, sewaan jubah dan sewaan tapak pasaria.

Idea untuk memulakan aktiviti perkhidmatan dobi ini terbit daripada ketiadaan mesin basuh di asrama pelajar MRSM. Selain itu, Koperasi juga mengambil inisiatif dengan membuka kiosk makanan meskipun pihak MRSM telah menyediakan menu makanan kepada pelajar mengikut waktu yang ditetapkan. Namun, masih terdapat permintaan daripada pelajar terhadap makanan terutamanya selepas sesi pembelajaran sendiri dan selang waktu di antara waktu makan.

Buat masa kini, koperasi menumpukan aktiviti yang mampu memenuhi permintaan pelajar MRSM. Berdasarkan maklumat kewangan teraudit pada tahun 2022, pendapatan yang terhasil daripada aktiviti yang dijalankan adalah sebanyak RM834 ribu. Koperasi mensasarkan peningkatan prestasi pendapatan daripada aktiviti sedia ada serta merancang untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan lain yang akan memberikan manfaat kepada anggota Koperasi MRSM Muadzam Shah.

Selain itu, koperasi juga mengambil inisiatif dengan membuka kiosk makanan meskipun pihak MRSM telah menyediakan menu makanan kepada pelajar mengikut waktu yang ditetapkan.




Koperasi MRSM Muadzam Shah Berhad turut menyediakan perkhidmatan dobi layan diri di blok asrama aspuiri dan juga aspura.



Barang-barang keperluan asas pelajar dijual bagi memenuhi permintaan pelajar yang tinggal di asrama.



Aktiviti jualan dapat mempupuk ilmu keusahawanan di kalangan pelajar MRSM Muadzam Shah.



Koperasi MRSM Muadzam Shah Berhad juga menyediakan perkhidmatan Rumah Tamu kepada pelanggan yang terdiri daripada penceramah, ibu bapa pelajar dan orang luar.



Pelaksanaan program bersama dengan pihak MRSM Muadzam Shah seperti program kerohanian, program pembentukan sahsiah diri pelajar dengan membawa mereka ke tempat perkhemahan untuk menikmati suasana ketenangan alam semula jadi merupakan salah satu bentuk kebajikan yang ditaja oleh koperasi kepada para anggotanya. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar untuk merehatkan minda selepas banyak meluangkan masa menimba ilmu pada sesi persekolahan.

Antara cabaran besar yang dihadapi oleh pihak Koperasi adalah kos pengendalian perkhidmatan dobi dan peruncitan yang semakin meningkat. Meskipun begitu, Koperasi masih mampu mengekalkan harga yang berpatutan kerana sedar akan tanggungjawab koperasi atas kebajikan pelajar MRSM yang merupakan pelanggan utama koperasi. 

Transformasi

Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad: Pelopori Kaedah Pembayaran Nirtunai dan Sistem Pintar dalam Aktiviti Peruncitan

Pembayaran tanpa tunai (nirtunai) menjadi antara pilihan sebilangan besar masyarakat pada hari ini kerana ianya merupakan transaksi yang cepat dan efisien. Pembayaran dapat dilakukan hanya dengan sekali sentuhan atau secara imbasan, menjimatkan waktu kepada pelanggan mahupun penjual kerana mereka tidak perlu mengira, menyimpan atau membawa wang tunai. Menurut Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad (Koperasi), mereka tidak mengeneipkan pembayaran secara tunai, namun lebih mengutamakan pembayaran tanpa tunai kerana lebih mudah untuk membantu pelajar menguruskan kewangan mereka.

Ditanya mengenai permulaan tercetusnya idea untuk menjalinkan kerjasama dengan Syarikat MONDO Sdn Bhd bagi membangunkan sistem kedai koperasi pintar ini, Pengurus Koperasi, Encik Mohammad Shahril bin Abdul Rahman berkata, "Pada mulanya, kami mengalami kerugian dua tahun berturut dari tahun 2019 hingga 2020, ditambah dengan keinginan untuk menjadi koperasi pertama yang menggunakan pendigitalan secara keseluruhan menyebabkan koperasi mula bekerjasama dengan Syarikat MONDO Sdn Bhd yang berperanan sebagai penyedia utama sistem dan koperasi sebagai pengguna.

Sistem yang digunakan merangkumi pembayaran tanpa tunai dan pelaporan jualan secara terus.

Koperasi merupakan sekolah pertama di Negeri Johor yang menggunakan sistem pembayaran tanpa tunai dengan menggunakan kad pelajar

Noratikh Binti Nasharuddin
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
SKM Cawangan Negeri Johor



Suasana di dalam Kedai Koperasi MRSM Johor Bahru.

CONTOH KAD MYDEBIT-i BERGAMBAR (BARU)




BANKRAKYAT
Bank Pilihan Anda



Kedai Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad menggunakan sistem pintar dengan penggunaan pembayaran tanpa tunai.



Koperasi juga akan bekerjasama dengan Bank Rakyat bagi mengeluarkan kad Mydebit-i bergambar khusus untuk pelajar MRSM Johor Bahru.



Pelajar dapat membuat pembayaran hanya dengan sekali sentuhan atau secara imbasan di panel yang disediakan tanpa kehadiran pekerja kedai.



Pelajar dapat membeli dalam suasana yang tenang dengan ruang yang lebih luas apabila koperasi menggunakan sistem pembayaran tanpa tunai.



Sistem kedai koperasi pintar dengan penggunaan Pembayaran tanpa tunai.



Majlis perasmian oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 16 Jun 2023.



Koperasi MRSM
Johor Bahru
Berhad berharap
agar lebih banyak
koperasi sekolah
dapat menceburi
penggunaan
aplikasi teknologi
dalam aktiviti yang
dijalankan.

sebagai akses pembayaran. Koperasi juga telah bekerjasama dengan Bank Rakyat bagi mengeluarkan kad My Debit-i bergambar khusus untuk pelajar MRSM Johor Bahru.

Kedai koperasi ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 16 Jun 2023. Pada majlis itu juga, YB Exco telah mengumumkan bantuan Geran Coop Maju Johor berjumlah RM50,000.00 kepada koperasi. Geran tersebut telah dimanfaatkan oleh koperasi dengan membangunkan satu lagi projek jualan tanpa tunai iaitu Smart Dobi.

Dengan adanya alternatif ini, ianya dapat meningkatkan lagi pendapatan koperasi. Koperasi MRSM Johor Bahru Berhad berharap agar lebih banyak koperasi sekolah dapat menceburi penggunaan aplikasi teknologi dalam aktiviti yang dijalankan.



#koperasikita

TALK SHOW

Podcast

Dibawa khas oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PLATFORM DIGITAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Laman Web Rasmi



Facebook



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur,
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100



SuruhanjayaKoperasiMalaysia (SKM)



skm_malaysia



suruhanjayakoperasi



www.skm.gov.my



SuruhanjayaKoperasi